

# 'Mayat jatuh dari langit'

BH 19/7/14 MS 8.

» Lokasi nahas mengerikan, pakaian bertaburan

► Ukraine

“Sebaik pesawat meletup di ruang udara, mayat dan cebisan anggota badan mula jatuh dari langit,” kata wartawan sambilan dari Amerika Syarikat (AS), Noah Sneider.

“Lokasi nahas mengerikan. Mayat tanpa anggota badan bergelimpangan.

“Bersebelahan bangkai pesawat yang terbakar, terlihat buku pelancongan Bali dalam keadaan elok, beg pakaian dan mayat mangsa,” katanya.

Sneider, yang juga saksi pertama melihat kejadian meragut nyawa 295 penumpang pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17, di Shaktarsk, di sini, berkata kebanyakan petugas keselamatan dan pejuang pemisah terkejut melihat lokasi kejadian.

“Ketika melalui kawasan kejadian, kelihatan mayat seorang lelaki dengan telefon iPhone yang retak terkeluar dari koceknya.

“Pakaian bertaburan dan kebanyakannya hancur ketika meletup di ruang udara. Malah, beg pakaian serta barangan turut dilonggokkan di tepi jalan,” katanya.

**Riben putih tanda mayat**  
Katanya, petugas keselamatan bertindak meletakkan riben putih bagi menandakan kawasan mayat ditemui.

“Lebih banyak mayat dijangka ditemui menjelang malam

“Bagaimanapun, dikhuatiri rumah mayat di sini tidak mampu menampung jumlah berkenaan,” katanya.



Gambar menunjukkan kipas terbin jet MH17 yang hampir berkecaj selepas terhempas akibat ditembak di Shaktarsk, semalam. [FOTO AFP]

Sementara itu, menurut wartawan *New York Times*, Sabrina Tavernise, lokasi nahas memberikan gambaran ngeri yang sukar diceritakan.

“Kebanyakan mayat dilihat bergelimpangan dengan anggota badan yang tidak terjejas.

“Seorang wanita yang memakai baju sejuk berwarna hitam terbaring dengan darah me-

ngalir daripada mukanya. Tangan kirinya terangkat, seolah-olah memanggil seseorang.”

Tavernise berkata, seorang lagi mangsa, tanpa pakaian terbaring di atas rumput dengan kaki patah serta badan terbelah dua.

“Seorang budak lelaki, dalam lingkungan usia 10 tahun, terbaring di sisi dengan me-

makai baju-T tertera perkataan ‘Don’t panic’ (Jangan panik)”.

“Kebanyakan mangsa masih berada di tempat duduk kerana memakai tali pinggang keselamatan. Seorang lelaki, berstokin tanpa seluar, terbaring mencekak pinggang, dengan tangan kanan di perut, seolah sedang berehat.”

AGENSI

# ATM beri bantuan logistik siasat nahas

**Kuala Lumpur:** Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersedia untuk memberi bantuan dari segi logistik dalam siasatan nahas pesawat Penerbangan Malaysia MH17 yang terhempas di sempadan Ukraine-Russia, namun perlu menunggu perkembangan siasatan berikutnya.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, disebabkan insiden itu membabitkan pelbagai agensi, pihaknya perlu

menunggu sebelum membuat keputusan menghantar sebarang bantuan.

“Semalam (kelmarin), keputusan yang dibuat untuk menghantar pesawat Boeing 747 ke Ukraine membawa pasukan penyelamat dan sebagainya dan kita akan tunggu perkembangan baharu terlebih dulu.

“Saya percaya ATM tidak akan bertanggung jika ada keperluan untuk membantu, apatah lagi dalam situasi ini,

” katanya mengulas mengenai nahas MH17 selepas menghadiri Istiadat Sambutan Hari Pahlawan di sini, semalam.

Pesawat Boeing 777-200 dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur itu dipercayai ditembak jatuh di perkampungan Grabovo, Donetsk, Ukraine berhampiran sempadan Russia, malam kelmarin.

## **Usah buat spekulasi**

Pesawat dilaporkan membawa 283 penumpang dan 15 kru dan semua mereka dipercayai terkorban dalam nahas itu.

Mengulas jika benar MH17 itu ditembak jatuh pengganas, Hishammuddin berkata

jika benar dakwaan itu, Malaysia akan memastikan pihak terbabit tidak terlepas daripada peruntukan undang-undang namun setakat ini spekulasi itu belum dapat disahkan.

“Kita minta semua pihak jangan buat spekulasi kerana apa juga perkara yang timbul perlu dapat pengesahan terlebih dulu, jika tidak ia tidak akan membawa makna apa-apa,” katanya.

Mengenai laluan pesawat, beliau berkata perkara itu dapat disahkan bahawa MH17 mengikut laluan yang betul kerana ada pesawat lain sebelum pesawat malang itu berlepas seperti Thai Airways dan Turkmenistan Airways.